

KHAMIS, 3 DISEMBER 2020

Hujan Lebat Berterusan Menyebabkan Banjir Kilat

Oleh: Izzatul Husna Ramli, 1180244

IPOH: Sebilangan penduduk di Desa Seri Chepor terpaksa berpindah susulan banjir kilat yang berlaku akibat hujan lebat yang berterusan selama beberapa jam.

Haziqah Hamidon, 21, salah seorang mangsa banjir berkata, hujan lebat selama enam jam menyebabkan air sungai naik dari laluan utama jalan sehingga ke kawasan perumahan.

“Kira-kira 30 hingga 40 buah rumah terjejas dan mereka diarahkan untuk berada di dewan serbaguna berhampiran kawasan perumahan.



Keadaan ruang tamu rumah yang sudah dinaiki air banjir

“Penduduk-penduduk yang terjejas terpaksa bermalam di dewan serbaguna yang terletak berdekatan kawasan perumahan ini kerana keadaan hujan lebat yang berlarutan sehingga malam.” katanya.

Dalam kejadian itu, Haziqah, turut mengalami kerugian apabila perabot-perabot di rumahnya seperti almari baju dan sofa rosak akibat banjir.

Bagaimanapun, banjir yang melanda kawasan perumahan itu hanyalah selama sehari sahaja dan air juga sudah mulai surut tidak lama kemudian.